

15 DEC 1998
Negara-Bahas
PELANTIKAN TPM PERLU DISEGERAKAN, KATA SENATOR

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Dua orang anggota Dewan Negara, ketika membahaskan belanjawan tahun depan, hari ini berkata pelantikan timbalan perdana menteri yang baru wajar dilakukan segera bagi kebaikan negara.

Senator Datuk Zainudin Maidin berkata pelantikan itu perlu dilakukan segera bagi memperkuat lagi keyakinan rakyat dan dunia luar terhadap negara ini.

"Selain itu, apabila pelantikan dibuat segera, ia sekurang-kurang akan memastikan bahawa apa-apa persaingan untuk merebut jawatan itu tidaklah begitu besar lagi," katanya ketika perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 1999.

Senator Abu Bakar Ismail, sambil mengakui bahawa pelantikan timbalan perdana menteri adalah hak Perdana Menteri, berkata dengan mengisi kekosongan jawatan itu segera, ia akan turut membantu usaha pemulihan ekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan berita selepas Perhimpunan Agung Khas Umno Ahad lepas, berkata beliau belum lagi membuat keputusan mengenai pelantikan timbalan perdana menteri yang baru.

Jawatan Timbalan Perdana Menteri menjadi kosong ekoran pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Sept. Beliau telah dihadapkan ke mahkamah dengan lima tuduhan rasuah dan lima tuduhan seks luar tabii dan mengaku tidak bersalah terhadap semua tuduhan itu. Kini beliau dibicarakan terhadap empat daripada tuduhan rasuah itu.

Sementara itu Senator Datuk Joseph Balan Seling berkata tindakan-tindakan kerajaan seperti menetapkan kadar kadar RM3.80 kepada US\$1 dalam usaha menangani masalah ekonomi kini mula menampakkan hasil.

"Pelaburan luar juga didapati mula memasuki negara semula apabila pelabur kembali menunjukkan keyakinan.

"Kita harus berbangga dengan kebijaksanaan kepimpinan negara menangani masalah itu," katanya.

Senator Toh Puan Wan Seri @ Wan Asiah Ahmad pula menggesa supaya syarat untuk berpoligami diperketatkan lagi.

"Banyak kes isteri tinggal tanpa kasih sayang, kawalan, nafkah malahan anak-anak 'tinggal' ini banyak terjerumus dan menjadi penyakit masyarakat yang terpaksa ditanggung kerajaan," katanya.

Katanya syarat berpoligami perlu ditambah dengan menentukan bahawa nafkah kepada isteri pertama dan anak-anak diberikan mengikut pendapatan suami apabila ingin berkahwin lagi.

Beliau juga menyarankan agar status 'berkahwin' digugurkan daripada syarat bagi golongan wanita yang ingin membeli rumah kos rendah.

"Syarat itu menyebabkan golongan wanita yang tidak berkahwin tidak layak sedangkan mereka yang turut mempunyai tanggungjawab kepada keluarga bukanlah mempunyai pendapatan tinggi untuk memiliki rumah mewah," katanya.

-- BERNAMA
MS NMO